

KURANG PENTARBAHAN DAN PENDIDIKAN AGAMA...ANTARA PUNCA KELEMAHAN UMAT ISLAM

Kelemahan umat Islam dalam merealisasikan ajaran Islam seterusnya menobatkan Islam ke puncaknya adalah disebabkan taqlid yang mengagungkan kebesaran Barat. Berlakunya kelemahan ini hasil daripada beberapa faktor utama yang perlu dinilai dan dimuhasabah semula oleh umat Islam.

• Jauh dari ajaran Islam yang sebenar

Umat Islam sendiri merasakan bahawa ajaran yang terkandung dalam Quran sebagai sumber hidup manusia adalah pelik dan tidak realiti mengikut peredaran zaman. Terdapat sebilangan umat Islam yang jauh daripada ajaran Islam yang sebenar, bahkan tidak dapat membezakan antara sistem yang ada dalam Islam dan yang datang dari Barat sehingga mencampuradukkan kedua-duanya. Perkara ini mendatangkan kerosakan pada akidah umat Islam tersebut yang tidak lagi dapat membezakan antara kesahihan ajaran yang ada dalam Islam dan kebatilan kebanyakan teori yang digunapakai oleh golongan bukan Islam.

Umat Islam yang bersungguh-sungguh mempertahankan ajaran Islam dan menegakkan syiar adalah menjadi seteru kepada mereka disebabkan kepelikan ajaran yang diamalkan dalam suasana yang menuntut kepada ketamadunan dunia. Maka, berlakulah perpecahan yang mengakibatkan lahir pemuka-pemuka yang merosakkan Islam. Sungguh benar apa yang dinyatakan oleh Rasulullah s.a.w. dalam satu hadis yang bermaksud: *Permulaan Islam itu dagang dan akan kembali dagang (di mata manusia) maka beruntunglah kepada orang-orang yang dagang.*

• Kejahilan umat Islam tentang keunggulan peraturan yang terkandung dalam agama mereka

Umat Islam tidak menyedari bahawa Islam diturunkan untuk menghapuskan penyembahan manusia terhadap manusia dalam segala bentuk manifestasinya, juga untuk mengesahkan penyembahan mereka hanyalah kepada Allah s.w.t. Sistem hidup yang lahir daripada agama Islam bukanlah sistem yang bersifat sejarah iaitu satu sistem yang terbatas pada satu period tertentu, ia juga bukanlah sistem yang bersifat kedaerahan yang hanya digunakan oleh sekumpulan generasi manusia tertentu, juga bukanlah sistem yang bersifat kesuasanaan yang dipraktikkan dalam satu suasana dan keadaan tertentu, malahan ia merupakan satu sistem yang teguh dan utuh, diredhai Allah s.w.t. untuk dipraktikkan dalam seluruh kehidupan manusia di setiap tempat dan masa. Sistem ini bertujuan untuk mengekalkan kehidupan manusia di dunia agar berlegar di sekitar paksi yang diredhai Allah. Sistem ini juga bertujuan untuk mengekalkan kehidupan agar sentiasa dihiasi dengan nilai-nilai yang tinggi, yang dianjurkan oleh Allah s.w.t.

• Lahir idealisme Barat yang menyesatkan dalam pemikiran umat Islam seumpama Sekularisme dan Orientalis

Faham sekular dari sudut politiknya telah mula dilaksanakan di Turki selepas penghapusan sistem Khilafah Islamiah Othmaniah pada tahun 1924. Fahaman ini seterusnya menjadi kaedah politik yang diamalkan di tanah air umat Islam. Doktrin ini jika difaham dari pentakrifannya iaitu satu doktrin yang menolak atau memisahkan agama, ciri-ciri keagamaan daripada urusan-urusan yang tidak bersangkutan dengan agama seperti pentadbiran awam dan lain-lain serta menganggap perkara keagamaan

PESANAN

Kami dengan rendah diri memohon kerjasama sdr/sdri, sekalian agar menyimpan Buletin ini ditempat yang sesuai demi menjaga kesucian Agama Islam dan keberkatan ilmu yang disampaikan – Biro Penerbitan & Penerangan

Jadual Aktiviti / Pengajian Maghrib Di Surau Al-Ulum KD9, Kota Damansara

Tarikh	Pengajar	Tajuk
01/06 (Jumaat)	Ust. Hj Azizi Mat Yaakob	Feqah
02/06 (Sabtu)	Ust. Syed Nazli Syed Mohamad	Umum
03/06 (Ahad)	Ust. Muhadir Joll (UIA)	Tasauf
04/06 (Isnin)	Ust. Hamzah (Pelangi Squara)	Tauhid
05/06 (Selasa)	Ust. Hamim Semaon (Rawang)	Ulumul Quran
06/06 (Rabu)	Ust. Kamal Mahadi (Kem. Pend)	Tafsir
07/06 (Khamis)	YAASIN / TAHLIL	
08/06 (Jumaat)	Ust. Khairuzaman (Rawang)	Tauhid
09/06 (Sabtu)	Ust. Ahmad Lutfi Abd Wahab	Sirah Rasul saw
10/06 (Ahad)	Ust. Muhadir Joll (UIA)	Tasauf
11/06 (Isnin)	Ust. Mohd Fadzil Ismail	Umum
12/06 (Selasa)	Ust. Mazlan Khamis	Hadis Qudsi
13/06 (Rabu)	Ust. Osman (IIS)	Kisah Al-Quran
14/06 (Khamis)	YAASIN / TAHLIL	
15/06 (Jumaat)	Ust. Azizi Mat Yaakon	Feqah
16/06 (Sabtu)	Ust. Ahmad Lutfi Abd Wahab	Sirah Rasul saw
17/06 (Ahad)	Ust. Muhadir Joll (UIA)	Tasauf
18/06 (Isnin)	Ust. Hamzah (Pelangi Square)	Tauhid
19/06 (Selasa)	Ust. Hamim Semaon (Rawang)	Ulumul Quran
20/06 (Rabu)	Ust. Kamal Mahadi (Kem Pend)	Tafsir
21/06 (Khamis)	YAASIN/TAHLIL	
22/06 (Jumaat)	Ust. Khairuzaman (Rawang)	Tauhid
23/06 (Sabtu)	Ust. Mohd Fauza Ali	Umum
24/06 (Ahad)	Ust. Muhadir Joll (UIA)	Tasauf
25/06 (Isnin)	Ust. Ramadan (UIA)	Umum
26/06 (Selasa)	Ust. Mazlan Khamis	Hadis Qudsi
27/06 (Rabu)	Ust. Osman (IIS)	Kisah Al-Quran
28/06 (Khamis)	Ust. Abdulllah Osman Iraqi	Hadith
29/06 (Jumaat)	Jemputan Khas	Umum
30/06 (Sabtu)	Ust. Shakir Husin Khalid	Umum
Kuliah Khas HELWA		
Setiap Rabu 8.30 pg	Ust. Ahmad Lutfi Abd Wahab	Tafsir
Setiap Jumaat 8.30 pg	Ust. Ahmad Lutfi Abd Wahab	Sirah Rasul saw
Kuliah Suboh		
02/06 (Sabtu)	Ust. Mohd Amin Al Buntari	Umum
03/06 (Ahad)	Ust. Ahmad Lutfi Abdul Wahab	Hadith
09/06 (Sabtu)	Ust. Nik Radzi Nik Mat	Umum
10/06 (Ahad)	Ust. Ahmad Lutfi Abd Wahab	Hadith
16/06 (Sabtu)	Ust. Mohd Amin Al Buntari	Umum
17/06 (Ahad)	Ust. Ahmad Lutfi Abd Wahab	Hadith
23/06 (Sabtu)	Ust. Ibrahim Zakaria	Umum
24/06 (Ahad)	Ust. Ahmad Lutfi Abd Wahab	Hadith

Bersama-samalah kita hadir di dalam majlis ilmu yang telah diaturkan, mudah-mudahan ianya dapat mengelakkan dari bertambahnya 'tompok-topok hitam' dalam hati kita. Nota: Jadual di atas tertakluk kepada pindaan, sila rujuk papan kenyataan di Surau untuk pindaan jadual terkini.

Catatan Kuliah Surau Al Ulum KD9

DOA

DOA SUPAYA MENJADI PAKAR TENTANG SESUATU PERKARA
Allahummaftah 'alaya futuuhal 'arifin. 'Wa faqihni fiddin.

اللَّهُمَّ افْتَحْ عَلَيَّ فُتُوْحَ الْعَارِفِيْنَ. وَفَقِّهْنِي فِي الدِّيْنِ.

Ya Allah, terangkanlah hatiku seperti terangnya hati-hati orang yang arif. Fahamkan aku perkara agama ku.

DO'A MENDAPAT ILHAM ATAU IDEA YANG BAIK

Allahumma alhimni rusydi wa a'idznii min syarii nafsi.

اللَّهُمَّ الْهِمْنِي رُسْدِيْ وَأَعِزْنِيْ مِنْ شَرِّ نَفْسِيْ.

Ya Allah, berilah aku ilham petunjuk (kecerdasan) dan lindungilah aku dari kejahatan nafsuku.

Catatan Kuliah Maghrib - Ustaz Mohd Fadil Ismail pada 14hb Mei 2007

• **Al-Mua'hadah** – membuat perjanjian dengan Allah, contohnya dalam bacaan Al-Fatihah, ada ayat yang membawa maksud "Akan Engkau sahaja wahai Tuhan kami yang kami sembah, dan hanya kepada Engkau sahaja tempat kami meminta pertolongan",

Bacaan Al-Fatihah adalah doa yang paling baik kerana ianya dimulakan dengan puji-pujian kepada Allah, kemudian kita membuat perjanjian dengan Allah dan akhirnya barulah kita "meminta" dengan Allah; Bila kita berdoa kepada Allah, mintalah dengan bersungguh-sungguh, insyaallah akan dimakbulkan oleh Allah ta'ala;

• **Al-Muhasabah** – Kita muhasabah diri kita sendiri yakni kita merenung kembali sepanjang hari apa yang telah kita lakukan pada diri kita sendiri. Jika kita ingin membuat sesuatu kemaksiatan itu hendaklah kita "tekan" serta "ikatkan" nafsu jahat kita itu, dalam erti kata yang lain kita hendaklah melawan nafsu jahat itu tadi. Kita kena selalu beringat yang kita sudah membuat perjanjian dengan Allah, maka kawallah nafsu jahat kita itu;

• **Al-Mu'ghadah** – Kita ada perasaan "malu" pada Allah. Jika kita tidak ada rasa malu yakni kita mengikut telunjuk nafsu kita maka perbuatan itu akan memalukan diri kita sendiri terutama sekali didepan Allah ta'ala lalu pasti kita akan melakukan perkara-perkara yang membawa kemaksiatan. Kita hendaklah mempertingkatkan perasaan "malu" kita pada Allah ta'ala. Perasaan "malu" itu adalah malu untuk membuat maksiat. Kita hendaklah selalu berdoa pada Allah supaya jangan ditarik perasaan "malu" kita pada Allah;

• **Al-Mu'aqabah** – Ini adalah proses mentarbi'ah diri kita sendiri. Kita mendenda diri kita sendiri diatas setiap kemungkaran maupun kemaksiatan yang telah kita lakukan;

• **Al-Mujahadah** – Perlaksanaan yakni apabila kita telah membuat perjanjian dengan Allah Ta'ala hendaklah kita melaksanakannya.;

• Antara golongan yang masuk neraka adalah golongan yang tidak mengeluarkan zakat, golongan orang yang tidak solat serta golongan miskin yang tidak sedar akan kemiskinan yang mereka alami

Catatan Kuliah Maghrib - Ustaz Hafidz pada 27hb Mei 2007

• Kenapa umat Islam pada zaman ini semakin lemah? Mereka semakin lemah kerana mereka sudah tidak ada semangat jihad dan juga mereka tidak mempunyai khalifah / ketua yang mampu menegakkan kekuatan agama Islam itu sendiri. Kadangkala bila kita terlupe pada soal kematian lalu menyebabkan kita akan lupa juga pada soal jihad. Kita kena ada semangat jihad, jihad yang bermaksud bersungguh-sungguh melakukan sesuatu terutama sekali apabila melakukan soal ibadat. Orang-orang kafir memang suka pada umat Islam yang lemah yang tidak ada semangat jihad dan mereka akan mengambil kesempatan pada umat Islam yang seumpama ini;

• Kita sangat takut pada penyakit seperti penyakit kencing manis, lemah jantung, darah tinggi dan lain-lain lagi sebab kita merasakan penyakit itu akan membawa maut. Hakikatnya maut atau nyawa kita diambil oleh Allah melalui malaikat yang mencabut nyawa kita bukannya penyakit yang disebut tadi;

• "Senjata" utama umat Islam ialah doa; Tidak akan bergerak sesuatu itu walaupun sebesar zarah jika tidak mendapat keizinan dari Allah. Allah yang menentukan segala-galanya termasuklah hidup dan mati kita. Penyakit yang kita hadapi itu adalah sebagai penyebab saja. Orang yang mati dalam keadaan menuntun ilmu, matinya adalah mati syahid. Soal mati/hidup/rezeki adalah "kerja" Allah, tugas kita adalah mencari amal dan beramal dengan Allah;

• Selepas kiamat semua makhluk akan berkumpul di padang mahsyar. Selepas itu semua umat Islam termasuklah yang melakukan maksiat dan orang munafik akan meniti titian sirat, hanya orang kafir yang akan terus masuk neraka;

• Titiian sirat ini sehalus mata pedang yang dibelah tujuh dan sedalam 75,000 tahun. Lamanya perjalanan melalui titian ini adalah perjalanan mendaki selama 5,000 tahun, perjalanan mendatar selama 5,000 tahun dan perjalanan menurun selama 5,000 tahun yang mana jumlah keseluruhan perjalanannya adalah selama 15,000 tahun. Dibawah titian sirat ini ada api yang sangat panas sehingga apinya berwarna hitam pekat serta ada besi pencangkuk. Titiian sirat ini sangat halus serta keadaanya sangat gelap serta sangat panas.

• Bagi orang-orang yang beriman, Allah akan suluhkan serta bagi cahaya mereka akan melintas dalam keadaan gelap gelita serta kepanasan lalu mereka ini akan menjerit-jerit meminta pertolongan daripada orang-orang yang beriman tadi yang telah berjaya melintasi titian sirat tersebut.

• Orang yang beriman dan selalu bersedekah, maka amalan inilah yang akan membantunya meniti titian sirat. Bila kita bersedekah, kita akan mendapat naungan atau rahmat Allah. Bila kita melintasi titian sirat ini keadaanya memang terluar panas hingga kita hendak mengunjakan payung pun jauh sekali, maka amalan sedekah sajalah yang akan menjadi sebagai perlindungan serta penaung daripada keadaan panas tadi;

Catatan Kuliah Maghrib - Ustaz Ramadhan pada 28hb Mei 2007

• Lumrah manusia yang hidup ini tidak pernah ada rasa mencukupi. Mereka selalu terpesona dengan harta benda dunia. Mereka tidak pernah rasa puas dengan harta kekayaan yang ada sehinggalah mereka menemui maut atau ajal mereka sendiri;

• Apabila seseorang itu mati atau meninggal dunia ada 3 perkara yang mengiringi mereka ke kubur iaitu (a) isteri, anak-anak dan ahli keluarga simati, (b) harta kekayaan (c) amalan mereka tetapi yang menemani simati didalam kuburnya hanyalah amalannya sahaja manakala yang lain akan pulang kedunia semula; Dिसait kita mati, walaupun ada terlekat sebetuk cincin ianya pasti akan ditanggalkan apalagi harta benda yang kita ada, pasti akan ditinggalkan jua;

• Kita hidup didunia untuk mencari harta kekayaan dunia tetapi gunakannya untuk "kacamata" akhirat. Kita dituntut untuk mencari / membangunkan / memakmurkan harta kekayaan dunia untuk saham kita diakhirat kelak;

• Kita jangan sekali-kali menyetujui Allah (yakni syirik dan kufur) kerana perbuatan tersebut tidak akan diampunkan oleh Allah ta'ala. Syirik boleh berlaku secara lisan dan perlaksanaan dengan perbuatan seperti berikut:-

a. Iman boleh terkeluar dengan itikad yakni kita yakin dan percaya pada sesuatu yang lebih berkuasa dari Allah, contohnya kita percaya pada pawang atau bomoh yang boleh menyembuhkan sebarang penyakit atau mereka ini yang menyelesaikan segala masalah yang kita hadapi;

b. Dengan sengaja mengeluarkan kata-kata / ucapan dengan mencerca Agama Islam itu sendiri, contohnya mencerca orang-orang yang bertudung dengan mengatakan orang-orang yang bertudung itu kuno atau ketinggalan zaman dsbnya;

c. Secara lakonan, contohnya pelakon-pelakon Bollywood yang kebanyakannya beragama Islam tetapi mereka ini melakonan watak persembahan kepada berhala atau tok sami, maka secara automatic terbatal imannya dan akidahnya;

• 5 tanggung-jawab seorang anak kepada kedua ibubapanya walaupun ketiadaan kedua ibubapanya:-

a. Doakan untuk kedua ibubapa (walaupun mereka sudah kembali kerahmatullah), antaranya bacaan ayat-ayat al-quran dari diri kita sendiri, maka kita sedekahkan pahala itu kepada kedua ibubapa kita dan sedekah itu boleh sampai kepadanya walaupun mereka sudah tidak ada lagi didunia ini;

b. Mohon ampun dari Allah bagi pihak kedua ibubapa kita. Kita minta Allah ampunkan dosa kedua ibubapa samada dosa-dosa kecil maupun dosa-dosa besar mereka;

c. Sekiranya jika ada hutang yang belum diselesaikan oleh kedua ibubapa kita semasa hidupnya, maka kita hendaklah selesaikan hutang-hutang mereka. (Nota : orang yang mati syahid, Allah ampunkan segala dosa-dosanya kecuali hutang mereka);

d. Berbuat baik pada sahabat-sahabat baik kedua ibubapa kita. Kita hendaklah menghormati mereka ini sebagaimana kita menghormati kedua ibubapa kita dan kita juga hendaklah berbakti pada mereka ini;

e. Megeratkan siratul-rahim dengan ahli keluarga terapat kedua ibubapa kita baik dipihak ibu mahupun dipihak bapa kita, seperti adik-beradik mereka, pakcik dan makcik mereka serta sanak-saudara mereka dan sebagainya;

• Janganlah kita menderhaka kepada kedua ibubapa kita walaupun dengan perkataan "aah" apalagi kita juga dilarang mengherdik atau mencaci mereka. Barangsiapa yang menderhakai kedua ibubapanya serta menyusahkan mereka maka Allah tidak akan reda dengan anak itu. Haram dan berdosa besar hukumnya pada anak-anak yang mengabaikan kebajikan kedua ibubapa mereka walaupun anak-anak ini diabaikan oleh kedua ibubapa semasa mereka muda dulu;

• Jika kita hendak menegur perbuatan kedua ibubapa kita, maka tegurlah dengan perkataan – perkataan yang halus / enak serta perkataan yang tidak menyinggung perasaan dan hati mereka. Kita juga hendaklah merendah diri kita, walaupun kita menjawat jawatan yang tinggi dipejabat, apabila kita berhadapan serta bercakap dengan kedua ibubapa kita dan belailah mereka dengan penuh kasih sayang;

• Barangsiapa yang hendak rezeki yang banyak dan panjang umur dengan penuh keimanan, maka taatliah kepada kedua ibubapa kita dan jagalah hubungan siratul-rahim dengan mereka (yakni jagalah kebajikan mereka dengan sebaik-baiknya). Ada 2 pintu khusus/khas disyurga (pintu ar-ryan) untuk sianak yang menjaga dan berbakti secara ikhlas kepada kedua ibubapanya;

• Tangisan dan keinsafan kita kepada kedua ibubapa kita apabila mereka sudah tiada lagi didunia ini tidak berguna lagi menyebabkan kita sudah terlepas peluang untuk berbakti pada mereka dan kita juga sudah terlepas peluang untuk memasuki 2 pintu khusus / khas ke syurga;


Semua catatan kuliah ini disediakan oleh : Norhanizah Mohamad

Top Ten Things To Think About If You Want To Change The World

Mahatma Gandhi believed that we must be the change we want to see in the world. This was well demonstrated when he helped India gain its independence. Gandhi was a revolutionary man, but he accomplished India's emergence as a nation without starting revolution. In fact, he advocated no violence. One of the most powerful countries in the world yielded to the commitment of one man and the dream of millions.

What change can we effect? What's the difference we want to make in the world? Gandhi said, in a gentle way you can shake the world. Here are some things to think about how to do just that.

1. Know that all significant change throughout history has occurred not because of nations, armies, governments and certainly not committees. They happened as a result of the courage and commitment of individuals. People like Joan of Ark, Albert Einstein, Clara Barton, Abraham Lincoln, Thomas Edison and Rosa Parks. They might not have done it alone, but they were, without question, the change makers.
2. Believe that you have a unique purpose and potential in the world. It's not so much something to create as to be discovered. And it's up to you to discover it. Believe that you can and will make a difference.
3. Recognize that everything you do, every step you take, every sentence you write, every word you speak—or DON'T speak—counts. Nothing is trivial. The world may be big, but there are no small things. Everything matters.
4. To be change you want to see in the world, you don't have to be loud. You don't have to be eloquent. You don't have to be elected. You don't have to be particularly smart or well educated. You do, however, have to be committed.
5. Take personal responsibility. Never think that "it's not my job". It's a cop-out to say, "What can I do, I'm only one person". You don't need everyone's cooperation or anyone's permission to make changes. Remember this little gem, It its to be, it's up to me.
6. Don't get caught up in the how of things. If you're clear on what you want to change and why you want to change it, the how will come. Many significant things have been left undone because someone let the problem solving interfere with the decision-making.
7. Don't wait for things to be right on order to begin. Change is messy. Things will never be just right. Follow Teddy Roosevelt's timeless advice, do what you can, with what you have, where you are.
8. The genesis for change is awareness. We cannot change what we don't acknowledge. Most of the time, we aren't aware of what's wrong or what's not working. We don't see what could be. By becoming more aware, we begin the process of change.
9. Take the heart these words from Albert Einstein – arguably one of the smartest change masters who ever lived: All meaningful and lasting change starts first in your imagination and then works its way out. Imagination is more important than knowledge.



القرآن الكريم (٥٥): سورة الرحمن
 قِيَادًا أَمْشَيْتَ السَّمَاءَ فَكَانَتْ وَرْدَةً كَالزَّهْرَانِ قِيَامًا مَالًا وَيَوْمًا تُكْرَبَانِ
 Quran (55): Surat ar-Rahman
 37. When the sky is torn apart, so it was (like) a red rose, like ointment
 38. Then which of the favours of your Lord will you deny ?

10. In order for things to change, YOU have to change. We can't change others; we can only change ourselves. However, when WE change, it changes everything. And in doing so, we truly can be the change we want to see in the world.

The following is inscribed on the tomb of an Anglican Bishop in Westminster Abby (1100 A.D)...

When I was young and free and my imagination had no limits, I dreamed of changing the world. As I grew older and wiser, I discovered the world would not change, so I shortened my sights somewhat and decided to change only my country.

But it, too, seemed immovable. As I grew into my twilight years, in one last desperate attempt, I settled for changing only my family, those closest to me, but alas they would have none of it.

And now, as I lie on my deathbed, I suddenly realize: if I had only changed myself first, then by example I would have changed my family.

From their inspiration and encouragement, I would then have been able to better my country, and who knows, I may have even changed the world.

Since this list was inspired by Gandhi's belief, it seems appropriate to end with another of his service quotes: Consciously or unconsciously, every one of us does render some service or other. If we cultivate the habit of doing this service deliberately, our desire for will steadily grow stronger and we will make not only our own happiness, but that of the world at large.

Article By Michael E. Angier

TREAT YOUR BACK WITH RESPECT

Avoid Bad Habits & Back Strain.

DO'S (✓)


Bend your legs and not your back. Keep your spine as vertical as possible. If necessary, bend your knees. Keep loads close to your body. When load is heavy, seek HELP.

Change standing position often. If you must stand for long periods, use a small footrest to shift your weight. Stand upright with head up and back straight. Walk with good posture, chin tucked in, head high and toes pointing forward. Wear comfortable, low-heeled shoes.

Sit straight and move car seat forward so that the knees are in level with the hip. Support your lower back, use a rolled-up towel or lumbar support.

Support your back's 'lumbar curve' to reduce pressure on spinal disks using a lumbar support or rolled-up towel. Your seat should be at a height that put your thighs parallel to the floor.

Sleep on bed with firm, well spring mattress and base. When sleeping on your side, bend knees so that they touch on top of each other or if on your back, place a pillow under your knees.



(X) DONT'S

Don't bend forward at the waist or twist while lifting heavy loads. Avoid holding load at arm's length. Don't lift load above shoulder level. These positions produce tremendous strain on the spine.

Don't stand too long in one position. Avoid bending over with legs straight. Don't walk slouching forward. Don't wear high heels when walking or standing for long periods.

Don't drive sitting too far back from the wheel. Stratching for the pedals and wheels produces strain.

Don't slump. Avoid sitting too far from your work or on a chair that's too high. Don't lean forward and arch your back.

Avoid sleeping on your stomach as it will cause swayback and back strain. Don't sleep or lounge on soft, non-supporting mattresses or cushions.

Petikan Al-Quran/Hadith

"Dan masing-masing orang memperoleh derajat-derajat (seimbang) dengan apa yang dikerjakannya. Dan Tuhanmu tidak lengah dari apa yang mereka kerjakan." Maksud Surah Al- An'aam ayat 132.

"Wahai manusia! Laksanakanlah amalan-amalan menurut kemampuan kamu. Sesungguhnya Allah tidak akan bosan sebelum kamu merasa bosan. Sesungguhnya amalan yang paling disukai oleh Allah ialah amalan yang ringan namun berterusan." Hadis Riwayat Muslim.

dari muka 1 – Kelemahan Umat Islam

adalah satu tugas yang dilaksanakan oleh manusia untuk Tuhannya sahaja. Maka setiap manusia yang berpegang dengan doktrin ini yang menyokong dan mempertahankan keabsahan amalan yang tidak berkait dengan agama dipanggil manusia sekular.

Dengan ini, dapat kita lihat bahawa bahaya fahaman ini adalah merosak seterusnya menanggalkan aqidah umat Islam. Mereka yang menganut doktrin ini, secara automatik tidak mengiktiraf *Rububiyah* Allah s.w.t. yang Maha Pentadbir dan Penguasa seluruh alam.

Sementara fahaman nasionalisme adalah doktrin yang meletakkan kesetiaan dan ketaatannya manusia kepada negara, dengan meletakkan kepentingan negaranya di atas segala kepentingan lain. Fahaman ini bertitik tolak dari andaian bahawa tumpuan utama bagi ikatan politik adalah terletak kepada bangsa. Akibatnya, perkara akidah dan agama yang paling asas dicuainya demi mengejar tuntutan bangsa dan negara.

• Penyebaran Media Massa Barat Yang Bertebaran

Kini bertebaran media masa Barat yang bertujuan merosakan Islam dengan membuat tohmahan yang maha dahsyat kepada ajaran yang murni ini. Antara majallah dan artikel yang tersebar di Barat dan juga di beberapa buah negara umat Islam mendakwa Nabi Muhammad saw adalah pereka kepada cerita-cerita dongeng, manakal masyarakat Arab adalah golongan yang terlalu kuat seks. Oleh itu, ramai dikalangan mereka yang bertebaran diseluruh negara kerana ingin memuaskan nafsu sahwat mereka. Islam juga dikatakan agama terrorist memandangkan dalam ajarannya terdapat 'jihad' dan juga syariat yang terkandung dalam Al-Quran adalah terlalu zalim kerana padanya terdapat hukuman bunuh seumpama merejam orang yang berzina bagi yang telah berkahwin juga membunuh orang yang keluar dari agama Islam (murtad).

Hal ini sebenarnya tidak lain hanyalah untuk meragukan-ragukan seterusnya memesonng fikiran umat Islam dari ajaran mereka sendiri.

• Dakwah daripada Bukan Islam di Negara Umat Islam

Terdapat dikalangan bukan Islam yang bernaung di negara umat Islam bersikap dengki dan berniat jahat terhadap agama Islam dan penganutnya. Setelah itu, mereka mula merancang beberapa strategi jahat untuk memurtadkan umat Islam daripada semua lapisan, sehingga didapati ramai penganut Islam yang keluar dari ajaran mereka.

Kafir seperti ini, tidak berhak dan layak untuk bermukim di negara umat Islam, bahkan jika diperbincangkan dari sudut hukum permukiman mereka mengikut kacamata Islam, golongan tersebut telah hilang status dan kelayakan untuk menetap di negara umat Islam lagi.

• Kurang Pentarbiahan dan Pendidikan Berasaskan Agama

Asas didikan yang memberi kekuatan kepada umat Islam terdahulu adalah hasil dari kekuatan didikan dalam perkara agama. Lihatlah generasi Sahabat Rasulullah saw, tabi'en dan salafussoleh yang melalui pendidikan dan tarbiah keimanan yang mantap sanggup menggadaikan diri mereka demi Islam. Kisah sahabat Nabi saw Khabbab ibnu Al-Arat yang disiksa sehingga luruh daging-daging dari tubuhnya, Bilal bin Rabah yang dijemur ditengah panas terik dengan diletakkan batu besar atas dadanya, kesemuanya adalah kerana mempertahankan aqidah dan ajaran Islam bukannya untuk dipahat dalam kitab-kitab sejarah akan tetapi sebagai tauladan dan ikutan untuk generasi sekarang.

Didikkan keimanan sepertimana golongan terdahulu telah hilang sedikit demi sedikit dalam diri umat Islam hari ini akibatnya merekamula meringan-ringankan dalam semua perkara agama. Maksiat menjadi tabiat biasa untuk dilakukan, kadang-kadang tidak dirasai bahawa perbuatan yang dilakukan adalah maksiat disebabkan tidak adanya didikan dan tarbiah yang cukup tentang Islam. Inilah kekurangan juga kelemahan umat Islam yang menjadi punca hilang kekuatan pada diri mereka.

• Rosaknya Akhlak Para Pemimpin dan Penguasa

Penguasa menggunakan kuasa sewenang-wenangnya terhadap masyarakat dan beranggapan bahawa golongan yang diperintah adalah hamba mereka semata-mata. Kerana itu, mereka berlaku zalim, menghukum orang-orang yang menentang mereka tanpa usul periksa dan cuba mengembalikan mereka agar akur di bawah kekuasaan mereka.

• Ahli Agama Yang Menentang Pembaharuan

Terdapat ahli-ahli agama yang bersifat jumud lantas menentang pembaharuan kerana kejahilan mereka, juga ada pandangan yang mengatakan bahawa Agama adalah semata-mata untuk ibadah dan bukannya memandu kearah pembaharuan dalam masyarakat juga untuk mencapai kemajuan. Perkara teknologi yang serba canggih adalah medan keseronokan ahli dunia semata-mata. Tanggapan sebegini sebenarnya adalah jauh daripada sifat dan tabiat yang ada pada Islam itu sendiri sebagai agama yang merangkumi keseluruhan perkara dunia dan akhirat.

• Lahir Ulamak Jahat

Kefasadan yang ada pada ulamak yang mencari keuntungan untuk diri mereka sendiri dan sikap mengampu mereka kepada golongan pemerintah. Ulamak seperti ini bertindak mempertahankan golongan penguasa dari ditohmah oleh masyarakat dengan pengetahuan agama, walaupun pemerintah dengan jelas melakukan maksiat. Disamping ulamak pengampu ini juga menjadi orang suruhan pemerintah yang jahil dalam memngeluarkan hukum dan fatwa demi kemaslahatan mereka dan mengaut keuntungan poket. Wallhualam.



BERITA RINGKAS SINAR AL-ULUM KD9



PEMBANGUNAN SURAU AL ULUM KD9 – sebagaimana yang telah dimaklumkan dalam Edisi Sinar yang lalu, pihak pentadbir Surau bercadang untuk meningkatkan tahap keselesaan para jemaah dalam beribadah dengan cadangan memasang pendingin hawa untuk dewan solat. Pihak surau masih lagi meneruskan kutipan dana khususnya dari ahli-ahli kariah. Penajaan secara individu atau berkumpulan amallah dialu-alukan. Untuk keterangan lanjut sila hubungi Sdr Azmay Abd Rahman (012-3663115).

LAWATAN KE BEIJING CHINA – beberapa pegawai dan Jawatankuasa Surau akan mengadakan lawatan muhibbah ini khusus bagi meninjau dan menjalin silaturahim dengan saudara seagama kita disana. Lawatan akan dilakukan dari 28 Jun hingga 2 Julai 2007. Semua perbelanjaan lawatan ini adalah diatas tanggungan sendiri tanpa melibatkan kewangan surau.